

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002  
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN VI - NAFKAH ISTERI, ANAK DAN LAIN-LAIN**

---

**Seksyen 71. Nafkah sementara.**

(1) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa terdapat alasan-alasan untuk membayar nafkah, Mahkamah boleh membuat suatu perintah terhadap suami bagi membayar nafkah sementara yang akan berkuat kuasa dengan sertamerta dan terus berkuat kuasa sehingga perintah Mahkamah dibuat atas permohonan untuk nafkah.

(2) Suami boleh menyelaraskan nafkah sementara yang dibayar dengan amaun yang diperintahkan supaya dibayar untuk nafkah di bawah perintah Mahkamah, dengan syarat bahawa amaun yang diterima oleh isteri, setelah ditolak apa-apa potongan, adalah cukup untuk keperluan asasnya.

---